

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMG 212 – Geografi Fizikal**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jika perlu, sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Bincangkan proses Kitaran Hidrologi yang berlaku dalam sistem bumi-atmosfera.  
(25 markah)
2. “Lapisan Stratosfera memainkan peranan yang sangat penting dalam mencorakkan iklim dan cuaca di permukaan bumi”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(25 markah)
3. Sejauh manakah faktor masa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tanah di kawasan yang beriklim Tropika Lembab?  
(25 markah)
4. Bincangkan bagaimana aktiviti-aktiviti manusia boleh menyebabkan berlakunya hakisan tanah yang pesat di negara ini?  
(25 markah)
5. (a) Jelaskan bagaimana hakisan glasier berlaku?  
(5 markah)  
(b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, bincangkan bentuk-bentuk muka bumi akibat daripada hakisan glasier di kawasan tanah tinggi.  
(20 markah)
6. Bincangkan bagaimana proses luluhawa mekanika berlaku.  
(25 markah)